



BAB LIMA

BAB LIMA : KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab terakhir disertasi ini ialah kesimpulan daripada semua bab yang telah dikemukakan dan rumusan terhadap hasil kajian yang telah dijalankan. Ia juga mengandungi beberapa cadangan yang difikirkan perlu diketengahkan supaya dapat ditingkatkan kefahaman masyarakat dalam beramal dengan perkara berkaitan dengan pengurusan jenazah dan amalan selepas kematian. Cadangan juga dikemukakan agar dapat diperbetulkan perekara sahah yang dilakukan selama ini. Pandangan ini dirasakan amat penting untuk mengeneplikan sebarang kekeliruan yang mungkin timbul berkaitan dengan amalan selepas kematian.

5.2 Kesimpulan

Sepanjang penyelidikan ini dibuat, penulis dapat simpulkan beberapa perkara yang boleh dirumuskan seperti berikut :

- a) Kepentingan ilmu pengurusan jenazah sebagai satu daripada disiplin ilmu fardhu kifayah.
- b) Cermat dan tersusun serta tertibnya ajaran Islam dalam mengendalikan mereka yang telah meninggal dunia, bermula sejak awal kematian sehingga ke saat pengkebumian jenazah.

- c) Amalan-amalan tradisi selepas kematian masyarakat Melayu Negeri Sembilan antara satu daerah dengan daerah yang lain adalah hampir sama dan tiada perbezaan ketara cuma kefahaman masyarakat yang berbeza disebabkan pegangan dalil yang tidak selaras mungkin kerana ketidakjelasan fakta dan maklumat yang berkaitan dengan amalan yang dilakukan.
- d) Kefahaman masyarakat juga kurang jelas terhadap amalan tersebut samada ianya satu adat atau ibadat. Ia terjadi kerana amalan tersebut telah lama berakar umbi dalam masyarakat dan diamalkan secara turun temurun menyebabkan amalan tersebut bercampur aduk antara yang dibenarkan syarak dan yang dilarang. Kekeliruan juga berlaku dalam mengenalpasti hukum wajib, sunat, harus, haram atau makruh terhadap amalan-amalan yang dilakukan itu. Begitu juga dalam mengengahkan pendapat adakah amalan tersebut mesti dilakukan selepas kematian atau tidak. Semua ini berlaku mungkin disebabkan pegangan dan penilaian berbeza terhadap pengamalannya bergantung kepada kekuatan sumber yang dipegang atau diperolehi oleh seseorang tanpa tanpa sandaran dalil yang kuat dan kukuh. Mungkin juga kerana ada di kalangan masyarakat yang sememangnya kurang mendalami ilmu agama dan hukum hakam syarak serta kekurangan buku atau rujukan secara khusus terhadap amalan-amalan tradisi yang dilakukan masyarakat menyebabkan mereka mengamalkan sahaja secara warisan tanpa mengetahui nas dan dalilnya.

- e) Konsep talqin mengikut pandangan syarak ialah bacaan, bisikan peringatan serta mengajar lafaz syahadah di saat sakaratul maut. Ia juga memberi maksud peringatan yang dibaca di atas kubur selepas pengkbumian mayat. Hukum membacanya selepas pengkbumian mayat adalah sunat berdasarkan dalil-dalil umum al-Quran, hadith, athar para sahabat dan pendapat para ulama mazhab. Berdasarkan kepada sandaran ini tersebut, Jawatankuasa Syariah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan telah mengeluarkan fatwa bahawa bacaan talqin selepas pengkbumian jenazah adalah sunat. Hukum inilah yang menjadi pegangan masyarakat di Negeri Sembilan menyebabkan amalannya begitu meluas. Namun begitu kefahaman masyarakat terhadap hukum sebenar talqin adalah berbeza samada wajib, sunat atau harus.
- f) Tahlil yang maksud sebenarnya ialah bacaan perkataan ﷺ عَلَى الْمَوْتَى لِلّٰهِ تَعَالٰى telah diperluaskan konsepnya oleh masyarakat di Negeri Sembilan sebagai satu amalan yang dilakukan selepas kematian dengan pengisian bacaan ayat al-Quran, zikir, selawat dan doa. Majis tahlil selalunya diadakan sekali dengan majlis bacaan surah Yasin dan kenduri arwah. Walaupun amalan tersebut tidak dilakukan pada zaman Rasulullah s.a.w. tetapi pengamalan masyarakat Melayu Negeri Sembilan bermatlamat untuk membahagiakan si mati melalui sedekah pahala amalan kebajikan kepadanya. Begitu juga perbuatan mengadakan kenduri arwah untuk menjamu orang makan se pertimana yang dilakukan oleh waris si mati di majlis tahlil. Hukumnya adalah harus. Ini bertepatan pula dengan keadaan masyarakat Melayu yang sememangnya kaya

dengan nilai mulia dalam hubungan sesama anggota masyarakat seperti bantu membantu, bergotong royong dan sebagainya menyebabkan timbulnya amalan mengadakan majlis tahlil dan kenduri arwah. Ia juga dilakukan untuk mengumpulkan sanak saudara dan penduduk kampung selepas selesai urusan mengendalikan jenazah, serta satu cara untuk menghidupkan majlis zikir kerana dipenuhi dengan bacaan ayat al-Quran , zikir, selawat dan doa.

- g) Keyakinan bahawa pahala bacaan surah Yasin dan doa kepada si mati sampai kepadanya juga adalah antara sebab kenapakah amalan tersebut dilakukan selepas kematian. Sesungguhnya manfaat tersebut bukan hanya kepada si mati malah kepada pembaca itu sendiri. Atas manfaat demikian perbuatan tersebut dibenarkan selagi tidak melanggar batasan syarak. Amalan bacaan surah Yāsin secara berjemaah dan bertahlil seperti yang dilakukan oleh masyarakat Melayu Negeri Sembilan mempunyai tujuan dan matlamat yang baik iaitu untuk menghidupkan majlis zikir, bertadarus untuk melancarkan bacaan dan untuk memperolehi pahala daripada Allah.
- h) Amalan tahlil dan kenduri arwah tiga hari berturut-turut mengikut pandangan masyarakat diadakan sebagai pertolongan orang yang hidup kepada mereka yang telah meninggal dunia melalui sedekah pahala bacaan kepadanya. Hukumnya adalah harus, tetapi adalah lebih tidak menentukan kepada hari-hari tertentu seperti tiga hari berturut-turut. Begitu juga adalah tidak wajar menetapkan hari-hari tertentu untuk mengadakan majlis tahlil dan kenduri

arwah seperti tiga hari berturut-turut, hari ke 7, 40 dan 100 kerana ia boleh diadakan pada bila-bila masa.

- i) Antara sebab kenapakah amalan-amalan tradisi terus dilakukan oleh masyarakat ialah keyakinan mereka terhadap manfaat daripada pengamalannya samada diperolehi oleh orang yang telah meninggal maupun yang masih hidup. Lebih-lebih lagi ianya dipimpin dan diketuai oleh orang yang dianggap terhormat, warak dan alim seperti para ustaz, tuan guru dan imam tanpa tegahan dan larangan menyebabkan masyarakat meyakini amalan tersebut dibenarkan mengikut pandangan Islam.
- j) Amalan ziarah kubur amat dituntut dalam syariat Islam bagi memperingatkan seseorang kepada kematian dengan beberapa adab yang mestilah dijaga semasa menziarahi kubur. Antara tujuan utama amalan ini dilakukan ialah membaca ayat-ayat al-Quran untuk dihadiahkan pahalanya kepada si mati dan mendoakan kesejahteraannya di alam kubur, sebagai tanda kasih sayang kepada mereka yang telah meninggal dunia dan melaksanakan satu amalan mulia yang dituntut agama dan digalakkan oleh Rasulullah s.a.w.

5.3 Cadangan

Oleh kerana penyelidikan yang dilakukan menyentuh soal hukum syarak dan melibatkan banyak pihak, beberapa cadangan dikemukakan kepada pelbagai golongan supaya dapat berperanan dalam meningkatkan kefahaman masyarakat secara keseluruhannya. Cadangan ini seterusnya akan dapat membantu setiap individu beramal dengan amalan yang benar dan tepat serta tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip agama.

Cadangan kepada individu dan masyarakat.

- a) Setiap individu muslim hendaklah mengambil berat tentang kefahaman terhadap agama Islam supaya amalan yang dilakukan tidak bercampur aduk antara yang dibenarkan dan yang dilarang syarak. Mereka juga hendaklah memperbanyakkan bacaan, membuat rujukan dalam masalah yang berkaitan dengan hal ehwal agama, menghadiri kelas-kelas pengajian dan bertanya kepada orang yang mengetahui jika berhadapan dengan pelbagai masalah hukum. Dengan ini sebarang pertelingkahan hukum dapat diselesaikan.

- b) Individu yang terlibat dalam urusan pengendalian jenazah mestilah dari kalangan mereka yang betul-betul mahir menguasai bidang tersebut supaya penyelenggaraan terhadap jenazah dapat dilakukan sebaiknya. Mereka juga mesti peka dan mengetahui hukum hakam berkaitan pengurusan terhadap si mati supaya

dapat menjelaskan kepada masyarakat mana-mana perbuatan yang tidak sepatutnya dilakukan sewaktu menguruskan jenazah. Dengan itu segala amalan yang bercanggah dengan hukum syarak dapat dielakkan.

- c) Masyarakat perlu menjauhkan segala amalan yang mengelirukan dan bertentangan dengan syarak supaya tidak merosakkan amalan yang dilakukan, contohnya ialah menetapkan hari-hari tertentu untuk mengadakan amalan tahlil dan kenduri arwah seperti tiga hari berturut-turut, hari ke 7, 40 dan 100 selepas kematian, menghantar dan meletakkan bunga di tanah perkuburan serta meninggikan dan mengindahkan kubur melebihi had yang dibenarkan syarak. Ia bertujuan supaya amalan yang dilakukan itu tidak terbatal dan hilang pahalanya.
- d) Waris si mati tidak wajar membelanjakan wang yang banyak untuk melakukan sesuatu amalan yang bersifat adat secara berlebih-lebihan sehingga membazir dalam mengadakan kenduri arwah, pemberian upah solat jenazah, dan bacaan surah Yāsin, meninggikan dan memperindahkan kubur kerana perbuatan yang dilakukan secara membazir tidak digalakkan mahal dilarang oleh Islam.
- e) Masyarakat hendaklah mengambil manfaat daripada amalan yang dilakukan selepas kematian sebagai peluang menambah pahala dan beramal jariah, bukannya untuk mendapat kesenangan habuan dunia. Setiap amalan yang dilakukan itu mestilah dengan niat ikhlas agar ianya diterima oleh Allah S.W.T.-

f) Majlis tahlil dan bacaan surah Yāsin adalah majlis zikir, maka hendaklah dijaga adab sewaktu menghadiri majlis tersebut dengan menjaga mutu bacaan ayat al-Quran, zikir dan selawat yang dilafazkan.

g) Masyarakat hendaklah mengambil manfaat daripada amalan yang dilakukan selepas kematian sebagai peluang menambah pahala dan beramal jariah, bukannya untuk mendapat kesenangan habuan dunia.

Cadangan kepada para ibu bapa.

a) Ibu bapa perlu menelekankan kepada anak-anak akses keagamaan supaya penghayatan agama menjadi asas kehidupan sejak dari mereka kecil. Sesungguhnya penekanan agama adalah benteng terkuat bagi mengelakkan dari perbuatan bid'ah, dosa dan segala yang bercanggah dengan tuntutan syariat.

Cadangan kepada kerajaan dan badan yang menjaga hak ehwal agama (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan dan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan

a) Memberi penerangan yang jelas kepada masyarakat tentang ajaran agama Islam terutama yang berkaitan dengan pengurusan jenazah dan amalan-amalan selepas kematian. Pelbagai kaedah boleh digunakan seperti membukukan fatwa

dan edarkan secara umum kepada masyarakat, mempergiatkan aktiviti ceramah dan penerangan dan menghasilkan lebih banyak buku-buku rujukan. Ia akan menjadi panduan berharga kepada masyarakat dalam meningkatkan kefahaman mereka, dapat beramat berdasarkan dalil dan nas syarak. Tidaklah nanti berlakunya keadaan masyarakat yang beramat secara warisan atau turun temurun yang diambil dari generasi terdahulu. Para pendakwah dari jabatan berkaitan hendaklah dihantar ke seluruh Negeri Sembilan dan mereka bertanggungjawab untuk memberi penerangan yang tepat berkaitan dengan ajaran Islam sebagai benteng daripada penyelewengan yang mungkin dilakukan oleh orang ramai.

- b) Pegawai Agama Daerah perlu mengadakan pemantauan dari masa ke semasa bagi memastikan tiada amalan yang bertentangan dengan syarak semasa upacara kematian dan selepas pengkebumian. Mereka perlu turun dan melihat sendiri serta mengawasi majlis yang diadakan oleh masyarakat selepas kematian supaya dapat dibuat teguran mana-mana amalan yang bercanggah dengan hukum syarak. Dengan itu akan dapat membersihkan masyarakat dari amalan-amalan bid'ah dan bertentangan dengan syarak.

- d) Siri Kursus Pengendalian Jenazah hendaklah dimantapkan dengan mengemukakan modul yang tepat berkaitan dengan amalan-amalan yang biasa dilakukan selepas kematian, bukan hanya sekadar menumpukan kepada empat perkara wajib iaitu memandikan, mengkafangkan, menyembahyangkan dan mengkebumikan jenazah. Ia perlu meliputi amalan tradisi yang lain serta

penerangan hukum mengenainya seperti pembakaran setanggi, menetakan batu nesan, menulis nama pada batu nesan, menanam pokok di atas kubur, pemberian upah solat jenazah dan sebagainya.

5.4 Penutup

Penulis berharap penulisan dan kajian ini mendatangkan manfaat kepada sesiapa yang membacanya dan dijadikan satu bahan ilmiah yang berfaedah terutama kepada masyarakat yang amat memerlukan kepada penerangan hukum berkaitan dengan amalan yang dilakukan selepas kematian. Dengan itu tidaklah mereka melakukannya secara membata tuli mengikut "apa yang orang sekeliling buat" tanpa diketahui hukum dan sandaran syarak. Perlaksanaan yang tepat dengan kehendak hukum akan menjadikan masyarakat besih dari sebarang amalan sesat dan bercanggah demi kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Kemaafan dipinta jika ada fakta yang kurang tepat di dalam penulisan ini dan perbetulkanlah mana yang salah supaya dapat dibuat pengkajian yang lebih mantap, mendalam dan menyeluruh.